

## NEWS CLIPPING

EVENT	7-Eleven perkenal lebih banyak perkhidmatan
PUBLICATION	Berita Harian
PAGE/SECTION	Bisnes
DATE	9 May 2019
TIME	-

Ms.58

Khamis, 9 Mei 2019 BH

[FOTO KHAIKUL AZHAR AFIMADY BH]

### → BISNES

# 7-Eleven perkenal lebih banyak perkhidmatan

→ Rancang jadi pusat pungutan bungkusan pada masa depan

Oleh Suffian A Bakar  
suffian@bh.com.my

**7**-Eleven Malaysia Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd, akan memperkenalkan lebih banyak produk dan perkhidmatan baharu mulai tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Colin Harvey, berkata adalah menjadi wawasan 7-Eleven untuk mempelbagaikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkannya pada ma-

sa depan, termasuk membuat lebih banyak penawaran berkaitan Razer Pay, perkhidmatan e-dompet yang ditawarkan kedai serba-neka itu.

Beliau berkata, yang terkini pihaknya sedang menguji Razer Parcel, perkhidmatan berkaitan e-dompet yang membolehkan 7-Eleven dijadikan pusat pungutan bungkusan pada masa depan.

"Kami mahu tawarkan sesuatu yang baharu, sesuatu yang menarik di 7-Eleven, tetapi ia ber�antung kepada kesesuaian," katanya pada majlis pelancaran cawangan 7-Eleven ke-2,323 di Plaza Arkadia, Desa ParkCity, dekat Kuala Lumpur, semalam.


**Terus kembangkan cawangan**  
Harvey berkata, kurang 18 tahun di bawah wawasan bijak dan bimbingan Tan Sri Vincent Tan, 7-Eleven berkembang daripada 176

cawangan untuk menjadi peruncit terunggul dengan jumlah cawangan terbanyak di Malaysia.

"Kami gembira untuk mencapai kejayaan ini, tetapi kami tidak berniat untuk berhenti di sini, sebaliknya akan terus mengembangkan jumlah cawangan," katanya.

Beliau berkata, generasi baharu cawangan 7-Eleven menggalakkan pelanggan melihat 7-Eleven sebagai kedai gaya hidup, yang mana mereka boleh menikmati pelbagai produk ditawarkan dalam suasana yang lebih tenang.

Selain menyediakan pelbagai barang, termasuk makanan dan minuman, 7-Eleven Malaysia kini menawarkan perkhidmatan seperti pembayaran bil 24/7, opsyen pembayaran e-dagang di luar talian, selain tempat untuk membuat pembayaran pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).



Harvey (tengah) pada majlis pelancaran cawangan 7-Eleven ke-2,323 di Plaza Arkadia, Desa ParkCity, Kuala Lumpur, semalam.